

28 AUG 1997

Abdullah-Bosnia

M'SIA HARAP BOSNIA AMAN WALAUPUN PASUKAN ANTARABANGSA DIUNDURKAN

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Malaysia berharap keamanan akan terus kekal di Bosnia dan Herzegovina walaupun selepas pengunduran pasukan pengaman antarabangsa dari negara Balkan itu, kata Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Abdullah berkata beliau memberitahu rakan sejawatannya dari Britain Robin Cook pada pertemuan mereka hari ini bahawa hakikat pasukan antarabangsa akan berundur dari negara bekas Yugoslavia itu pada satu hari nanti perlu diakui.

Nato dijadualkan mengundurkan tenteranya dari Bosnia dan Herzegovina pada Jun 1998.

"Kita hendak pastikan situasi yang ditinggalkan di Bosnia itu biarlah situasi yang lebih aman dan boleh menjamin tidak akan berlakunya sekali lagi pergaduhan dan pertempuran antara kaum di sana," kata Abdullah kepada pemberita selepas pertemuan itu di Wisma Putra di sini.

Katanya memang diketahui kemampuan ketenteraan puak Serb dan Bosnia tidak seimbang.

"Kita bimbang apabila sudah tidak ada lagi pasukan antarabangsa, mungkin pihak Serb akan mengambil kesempatan untuk sekali lagi bertindak untuk menghapuskan pihak Bosnia yang mereka benci itu," katanya.

Peperangan selama tiga tahun setengah di Bosnia dan Herzegovina berakhir dengan termeterainya Perjanjian Dayton pada Disember 1995.

Abdullah juga berkata Britain nampaknya mempunyai pendirian tegas berhubung isu membawa penjenayah perang ke muka pengadilan.

"Ini satu pendirian yang begitu tegas dan Cook telah menyatakan bahawa segala usaha mesti diambil untuk membawa mereka ini ke mahkamah untuk diadili," katanya.

Beliau juga memberitahu Cook bahawa Malaysia berunding dengan negara-negara lain seperti Jepun dalam usaha membangunkan semula negara Balkan itu.

Abdullah berkata Cook menerima pandangan bahawa kalau Britain turut sama dalam perkara itu, ia bermakna tanggungjawab dan risiko dalam membangunkan semula Bosnia dipikul secara bersama oleh negara-negara terlibat.

Beliau juga memaklumkan kepada Cook bahawa Malaysia terutamanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad begitu mengambil berat tentang spekulasi mata wang yang kini melanda beberapa mata wang negara Asean.

"Saya memberitahu Cook bahawa Dr Mahathir akan terus menimbulkan perkara ini pada mana-mana forum persidangan antarabangsa seperti pada mesyuarat Tabung kewangan Antarabangsa di Hong Kong bulan depan," katanya.

Ketika ditanya mengenai reaksi Cook, Abdullah berkata rakan sejawatannya itu tidak memberikan apa-apa pandangan.

"Dia memahami masalah itu tetapi pada waktu ini tidak dapat mengutarakan apa-apa langkah yang perlu diambil," katanya.

Abdullah juga berkata hubungan di peringkat menteri dan pegawai-pegawai kanan antara kedua-dua buah negara akan dipertingkatkan. -- BERNAMA

MAM NMO